

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

Sultan Selangor
bimbang masih
ada rakyat berdegil,
tak patuh PKP

AKHBAR
ARUS
PERDANA
PALING
DIYAKINI

TELUS & TULUS

Sinar

sinarharian.com.my

Harian

RAKYAT BANTU RAKYAT
#ITALAHMALAYSIA

5142 7125 4025

MAYBANK

SINAR KARANGKRAF SDN. BHD.

18

RABU | 25 MAC 2020 | 30 REJAB 1441H | BIL.: 4932 | PP11200/02/2013 (031412) | sinarharian.com.my | SinarOnline | SinarHarian | SinarHarian | [sinarharian](https://www.facebook.com/sinarharian) | **RM1.20**

Polis tahan 28 orang
yang ingkar Perintah
Kawalan Pergerakan

AS berpotensi
jadi pusat wabak
Covid-19, kata WHO

11

KLUSTER TABLIGH TERUS JADI ANCAMAN COVID-19

KES COVID-19 DI MALAYSIA

1,624 JUMLAH KES	106 KES BAHARU	15 KES KEMATIAN	183 KES PUJUH
----------------------------	--------------------------	---------------------------	-------------------------

“Janganlah kita persalahkan jemaah tabligh. Janganlah kita diskriminasikan jemaah tabligh. Janganlah kita stigamkan jemaah tabligh. Apa yang penting adalah kita bantu mengesan dan merawat jangkitan Covid-19 di kalangan jemaah tabligh, keluarga dan kontak mereka.” - **Kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah** pada sidang media di Putrajaya semalam

Daripada 106 kes baharu koronavirus (Covid-19) yang dilaporkan semalam, sebanyak 43 kes adalah berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur.

Sebanyak 15 kematian akibat Covid-19 direkod sehingga semalam dan daripada jumlah itu, sembilan daripadanya adalah kluster perhimpunan tabligh.

Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum ini turut memaklumkan kluster jemaah tabligh yang menghadiri Ijtimak di Masjid Sri Petaling menjadi penyumbang besar iaitu kira-kira 62 peratus daripada keseluruhan kes positif Covid-19 di negara ini.

Setakat ini seramai 10,500 peserta perhimpunan berkenaan sudah menjalani ujian saringan oleh KKM dan daripada jumlah itu, sebanyak 743 dikesan positif Covid-19.



LAPORAN PENUH 18 HALAMAN

Tiga beranak rentung
dalam
kebakaran di Kamunting

23

Sarung tangan untuk
petugas
kesihatan
sumbangan
Tabung CovidSinar

18

Arab Saudi
laksanakan
perintah
berkurang
11 jam
selama
21 hari

10

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

RABU 25 MAC 2020 • SINAR HARIAN

MEMERANGI WABAK COVID-19

Kluster tabligh tidak ingkar

Akan terus beri kerjasama dan patuh arahan kerajaan supaya jalani saringan untuk tangani Covid-19

Oleh MOHD HAZRIZAL
MOHD HANAPIAH

SHAH ALAM

Malaysia mencatatkan 106 kes terbaharu wabak koronavirus (Covid-19) semalam menjadikan jumlah keseluruhan 1,624 kes.

Daripada jumlah 106 kes itu, sebanyak 43 kes berkaitan dengan Ijtimak Tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu, manakala 63 kes lagi adalah berkaitan dengan lain-lain kluster yang masih lagi dalam siasatan untuk kepastian.

Berdasarkan statistik, dianggarkan

sebanyak 62 peratus daripada 1,624 jumlah keseluruhan kes Covid-19 di Malaysia merupakan kluster tabligh.

Menjelaskan mengenai perkara itu, wakil jurucakap jemaah tabligh Masjid Jamek Sri Petaling, Dr Mohd Fauzi Othman berkata, pihaknya sentiasa mematuhi arahan daripada kerajaan dengan melakukan saringan seperti yang dikehendaki.

Beliau berkata, setakat semalam sebanyak 90 peratus jemaah tabligh telahpun hadir membuat ujian saringan.

"Semua jemaah telahpun dimaklumkan untuk mematuhi arahan kerajaan. Kami berharap baki 10 peratus akan hadir esok membuat ujian saringan termasuklah ada jemaah yang dipanggil semula membuat ujian," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Mohd Fauzi berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) juga akan membuat ujian



DR MOHD FAUZI OTHMAN

saringan di pusat kesihatan daerah seluruh negara khusus untuk jemaah tabligh mulai hari ini.

Ditanya mengenai jumlah jemaah yang terabit dalam saringan, kata Mohd Fauzi, beliau tidak dapat memberikan jumlah angka yang tepat, namun yakin hanya kira-kira 10 peratus yang masih belum hadir melakukan saringan.

Kelmarin, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengemukakan akan mula memburu baki kira-kira 3,800 jemaah tabligh yang dikenal pasti seluruh negara yang masih belum menjalani ujian saringan Covid-19.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pihak polis sudah mempunyai senarai nama lengkap jemaah tabligh yang menghadiri perhimpunan di Masjid Sri Petaling itu.

Ismail Sabri berkata, lebih 3,800 je-

Bagaimana Covid-19 mula merebak dari Masjid Sri Petaling

- Kementerian Kesihatan Brunei mengesahkan kes pertama positif Covid-19 di negara itu dijangkiti ketika hadir satu majlis keagamaan di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu.
- Individu terabit dikatakan pulang ke Brunei dengan rakannya pada 3 Mac lalu melalui Miri, Sarawak sebelum menyedari mengalami simptom jangkitan dan membuat pemeriksaan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Brunei pada 8 Mac lalu.
- Kementerian Kesihatan (KKM) kemudian meminta semua rakyat Malaysia yang menyertai perhimpunan itu dan mengalami gejala supaya menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran untuk pemeriksaan.

maah tabligh itu bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi terdiri daripada rakyat Rohingya dan pendatang tanpa izin.

Dr Noor Hisham minta rakyat Malaysia tidak salahkan jemaah tabligh



NOOR HISHAM

PUTRAJAYA - Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah semalam merayu kepada orang ramai agar tidak menyalahkan jemaah tabligh berikutan peningkatan kes positif koronavirus (Covid-19) di negara ini.

Malah, beliau turut menasihatkan semua pihak supaya tidak mendiskriminasi golongan berkenaan.

Sebaliknya, katanya, perkara

yang penting ketika ini ialah membantu kerajaan menangani wabak Covid-19 di negara ini daripada terus merebak.

"Janganlah kita persalahkan dan diskriminasi jemaah tabligh. Jangan kita stigmakan jemaah tabligh. Apa yang penting ialah kita bantu mengesan dan merawat jangkitan Covid-19 dalam kalangan jemaah tabligh, keluarga dan kontak mereka," katanya pada

sidang akhbar mengenai perkembangan terkini Covid-19 di kementerianannya di sini semalam.

Noor Hisham berkata, kesemua jemaah tabligh yang menyertai perhimpunan di Masjid Jamek Sri Petaling baru-baru ini boleh membuat saringan Covid-19 bermula esok.

"Ini termasuklah mereka yang tidak bergejala juga perlu melakukan ujian saringan," katanya.

Menurutnya, arahan telah dikeluarkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah bagi tujuan itu.

"Mereka telah dimaklumkan mengenai hal ini. Insyaa-ALLAH esok (hari ini) boleh datang buat saringan," katanya.

>> Berita mengenai kes terbaharu Covid-19 di Malaysia di muka 8

Etnik Rohingya sertai Ijtimak Tabligh digesa buat saringan

KUALA LUMPUR - Dalam usaha membendung penularan wabak koronavirus (Covid-19) di Malaysia, Mercy Malaysia semalam menasihati etnik Rohingya di negara ini khususnya yang menghadiri Ijtimak Tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu, tampil membuat saringan.

Pengurus Besar Operasi Program Mercy Malaysia, Mohammad Said Al-hudzari Ibrahim berkata, pihaknya menganggarkan kira-kira 500 etnik Rohingya menyertai Ijtimak Tabligh berkenaan dan telah mengenal pasti sebahagian daripada mereka.

Bagaimanapun, katanya, tiada kes positif Covid-19 dikesan melibatkan masyarakat itu setakat ini.

"Bagi mereka yang takut membuat saringan, Mercy Malaysia akan berhubung dengan Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan untuk tindakan selanjutnya setelah mendapat maklumat," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata, jika terdapat etnik Rohingya yang positif, Mercy Malaysia akan memastikan keluarganya juga dikuarantin dan bantuan makanan disampaikan kepada mereka.

Setakat ini, terdapat 178,990 etnik Rohingya di seluruh negara. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

6

MEMERANGI WABAK COVID-19

RABU 25 MAC 2020 • SINAR HARIAN

Malaysia mohon bantuan China

Minta hantar pakar perubatan, bantu barisan depan negara

KUALA LUMPUR

Kerajaan sedang berunding dengan pemerintah China untuk memohon negara berkenaan menghantar pakar perubatan mereka ke Malaysia bagi membantu petugas barisan depan negara memerangi koronavirus (Covid-19) habis-habisan.

Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, ini adalah antara peranan dimainkan Wisma Putra dalam menggunakan hubungan baik negara dengan pemerintah di luar negara bagi mendapatkan bantuan dalam memerangi wabak berkenaan.

"Susulan perbincangan ini, saya difahamkan pakar perubatan daripada 26 buah hospital di Malaysia akan mengadakan persidangan menerusi video dengan pakar-pakar perubatan yang berada di China pada Khamis ini (esok) bagi berkongsi kaedah serta strategi terbaik dalam melawan Covid-19," katanya pada sidang akhbar yang diadakan secara langsung melalui akaun Facebook beliau semalam.

Selain itu, Hishammuddin berkata, melalui hubungan Malaysia-Emiriyah Arab Bersatu



HISHAMMUDDIN

(UAE), Wisma Putra juga sedang berusaha mendapatkan bantuan peralatan perubatan dari negara berkenaan.

"Kami berbual terutama mengenai peralatan perubatan, peralatan perubatan kritikal dan saya percaya UAE mempunyai beberapa keupayaan untuk

membantu kita dalam hubungan ini.

"Beberapa peralatan perubatan yang diperlukan itu kritikal dan ini sesuatu yang kadangkala anda juga jika mempunyai wang tidak dapat memperolehnya. Saya tidak bercakap hanya mengenai penutup mulut dan hidung atau pakaian perlindungan, terdapat perkara yang lebih kritikal yang kita tidak sepatutnya mempunyai rasa cemas, ego dan sombong untuk meminta bantuan.

"Ini sesuatu yang ditunjukkan oleh UAE, dan apa jua yang mereka hendak bantu kita berhubung peralatan kritikal yang diperlukan, mereka akan membantu kita, mereka melihatnya sangat menggalakkan dan masih dalam rundingan," katanya. - *Bernama*

Pesawat sewa khas berlepas ke Dhaka

KUALA LUMPUR - Satu penerbangan khas akan berlepas ke Dhaka, Bangladesh hari ini untuk membawa pulang kumpulan pertama seramai 270 daripada 367 rakyat Malaysia susulan penularan koronavirus (Covid-19) di negara itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, buat masa ini, kerajaan Bangladesh telah menyuarakan jaminan akan memberi kebenaran khas kepada pesawat ini untuk mendarat serta berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Hazrat Shahjalal, Dhaka.

"Kesemua mereka akan dibawa pulang menggunakan sebuah pesawat sewa khas jenis Airbus 332 milik syarikat penerbangan Malaysia Airlines yang dibiayai penuh MIC sepertimana enam penerbangan sewa khas untuk membawa pulang rakyat Malaysia yang terkandas di India sebelum ini," katanya pada sidang akhbar yang diadakan secara langsung di akaun Facebook beliau semalam. - *Bernama*

PM terima sumbangan lima syarikat korporat untuk Tabung Covid-19



Muhyiddin (kanan) menerima sumbangan daripada Syed Faisal Albar pada Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Covid-19 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam.

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam menerima sumbangan berjumlah RM5 juta daripada lima syarikat korporat untuk Tabung Covid-19.

Sumbangan itu menjadikan jumlah terkumpul Tabung Covid-19 kini sebanyak RM8.125 juta tidak termasuk barangan yang diterima.

Replika cek untuk Tabung Covid-19 disampaikan oleh wakil syarikat korporat kepada Muhyiddin di Perdana Putra di sini semalam.

Selain wang tunai, Perdana Menteri turut menerima sumbangan berupa 520,000 topeng muka daripada Titijaya Land Berhad untuk digunakan petugas barisan hadapan.

Sumbangan Titijaya Land Berhad itu disampaikan kepada Perdana Menteri oleh pengasasnya, Tan Sri SP Lim.

Antara yang menyampikan sumbangan semalam ialah Spanco Sdn Bhd yang diwakili pemiliknya, Tan Sri

Robert Tan Hua Choon yang menyumbang sebanyak RM2 juta.

Turut memberikan sumbangan ialah DRB Hicom Berhad. Replika cek RM1 juta disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan DRB Hicom, Datuk Seri Syed Faisal Albar Syed Ali Rethza Albar.

Syarikat lain ialah MMC Corporation Berhad yang menyumbang RM1 juta dan disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh.

Satu lagi syarikat yang menyumbang kepada Tabung Covid-19 ialah YTL Corporation Berhad sebanyak RM1 juta dengan replika cek disampaikan kepada Perdana Menteri oleh Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Francis Yeoh.

Tabung Covid-19 dilancarkan kerajaan pada 11 Mac lepas sebagai usaha kerajaan membantu rakyat yang terjejas ekoran wabak itu. - *Bernama*

Kementerian Kesihatan terima bantuan peralatan perubatan daripada CCC-ECRL



Chaw Min (kanan) mewakili Kementerian Kesihatan menerima sumbangan peralatan perubatan daripada Bai Tian (kiri) pada majlis penyerahan di Kuala Lumpur semalam.

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan (KKM) semalam menerima bantuan peralatan perubatan daripada kontraktor utama projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) iaitu China Communications Construction Sdn Bhd (CCC-ECRL) yang berpangkalan di negara ini.

Bantuan untuk kegunaan 26 hospital khusus bagi rawatan wabak koronavirus (Covid-19) itu terdiri daripada 5,000 topeng muka jenis N95 dan KN90, 20,000 topeng muka pembedahan serta 1,200 kaca mata pelindung perubatan.

Sumbangan itu diserahkan oleh Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian kepada Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min pada satu majlis penyerahan di Pharmaniaga Berhad di sini semalam.

Bai Tian berkata, peralatan perubatan itu disediakan sejurus pihaknya memohon semua syarikat dari China yang berpangkalan di Malaysia untuk menyalurkan bantuan.

"Saya amat bimbang setelah membaca laporan berita mengenai kekurangan peralatan perlindungan bagi petugas perubatan di

sini. Jadi Kedutaan China di sini mendapatkan pertolongan daripada seluruh China dan kami juga meminta syarikat China di Malaysia menghulurkan sumbangan.

"Saya amat gembira apabila CCC-ECRL adalah antara syarikat yang pertama tampil untuk membantu dan syarikat dari China di sini juga sudah digerakkan. Banyak bantuan kini dalam perjalanan," katanya di sini semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Urusan CCC-ECRL, Bai Yinzhan dan Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga, Datuk Farshila Emran. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • RABU 25 MAC 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19

'Kita hadapi malapetaka dahsyat'

Covid-19 beri kesan besar terhadap ekonomi seluruh dunia

Oleh HIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, apa yang sedang rakyat Malaysia dan penduduk dunia hadapi ketika ini merupakan malapetaka yang dahsyat.

Beliau berkata, wabak koronavirus (Covid-19) akan memberi kesan besar terhadap ekonomi seluruh dunia yang terkecuali negara kaya.

Menurutnya, banyak sektor industri seluruh dunia yang akan terjejas disebabkan penu-

laran wabak tersebut.

Bagi Malaysia, katanya, industri pelancongan yang merupakan sumber pendapatan asing kedua terbesar selepas Petronas turut akan terjejas teruk dan akan menyebabkan kerajaan kehilangan banyak hasil.

"Syarikat penerbangan akan menderita. Industri pelancongan akan menderita. Pengangkutan darat hotel, restoran akan menderita. Pekerja akan menderita kerana mereka boleh dibuang. Majikan mereka tidak akan mendapat cukup wang untuk membayar (gaji) mereka.

"Orang yang bekerja dalam industri pelancongan akan kehilangan pekerjaan dan pendapatan. Ini merisaukan kerana mereka memerlukan makanan dan minuman," katanya menerusi tulisan di blog beliau kelmarin.

Dr Mahathir berkata, hasil kerajaan mungkin menurun se-

hingga RM30 bilion akibat penurunan harga minyak sebanyak 50 peratus daripada harga yang dianggarkan.

Untuk tahun 2020, katanya, kerajaan menganggarkan satu tong minyak mentah ditetapkan pada harga AS\$63 (kira-kira RM280) setong namun ia kini menurun.

"Di Malaysia, industri petroleum tidak besar, tetapi ia memberi sumbangan besar kepada hasil kerajaan," katanya.

Selain itu, Ahli Parlimen Langkawi itu turut berkata, kerajaan berdepan cabaran apabila pakej rangsangan yang diumumkan kerajaan melibatkan peningkatan dalam perbelanjaan dan penurunan cukai.

Menurutnya, hasil kerajaan juga akan terjejas dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan kerana ia akan mengurangkan aktiviti perniagaan serta keuntungan.

"Bagi perusahaan kecil, kerugian akan menjadi sangat teruk. Mereka mendapat hari ini untuk hari ini. Sekalipun mereka mampu melakukan perniagaan, ia tidak akan cukup untuk menampung makan dan minum mereka. Kerajaan mungkin memberi mereka bantuan kewangan.

"Apa yang berlaku di Malaysia juga berlaku di seluruh dunia.

Industri mungkin perlu berhenti atau sekurang-kurangnya mengurangkan pengeluaran. Eksport dan import akan terjejas. Ekonomi akan meng-

alami kemelesetan di seluruh dunia. Malah negara terkaya akan menderita," katanya.

Meskipun telah disahkan negatif Covid-19, Dr Mahathir kini masih menjalani tempoh kuarantin di rumah selama 14 hari.



TUN MAHATHIR

Dr Adham beri semangat kepada rakyat Malaysia untuk terus menangani Covid-19

KUALA LUMPUR - Menteri Ksihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba semalam memberikan kata-kata semangat kepada rakyat Malaysia agar terus mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan untuk memutuskan rantaian virus koronavirus (Covid-19).

Menyeru satu video berdurasi 53 saat di Facebook rasmi beliau, dalam nada positif, Dr Adham menyeru rakyat meneruskan langkah duduk di rumah, memastikan penjarakan sosial dan mengamalkan kebersihan.



DR ADHAM

"Langkah kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan mula mendapat kerjasama baik daripada rakyat.

"Ini usaha kita bersama, duduk rumah, penjarakan sosial, amalkan kebersihan, kita mesti menang (dalam menangani Covid-19)," katanya.

Semalam merupakan hari ketujuh Perintah Kawalan Pergerakan dan sehingga kini kadar pematuhan rakyat meningkat kepada 95 peratus berbanding 92 peratus sebelum ini hasil kerjasama bersepadu yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Rela dan pihak berkuasa tempatan. - Bernama

UMNO Sabah derma RM1 juta barangan keperluan

KOTA KINABALU - Prihatin dengan nasib penduduk Sabah yang terkejut akibat penularan wabak koronavirus (Covid-19), UMNO Sabah mendermakan barangan keperluan bernilai RM1 juta.

Bekas Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Tan Sri Musa Aman ber-UMNO Sabah akan mengedarkan barangan keperluan seperti bekalan makanan, ubat-ubatan termasuk topeng muka, tisu basah kepada orang ramai terutamanya golongan kaum, agama dan politik.

"Saya telah berbincang perkara ini dengan Ketua Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin yang akan menyelia agihan bekalan melalui Sekretariat UMNO negeri.

"UMNO Sabah juga akan berbincang dengan Parti Bersatu Rakyat Sabah, Parti Solidariti Tanah Airku dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) untuk menggabungkan sumber masing-masing bagi membantu rakyat negeri ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Perkhidmatan Pandu Lalu

UJIAN COVID-19



MELALUI TEMUJANJI SAHAJA

Untuk pertanyaan, sila hubungi caroline kami

012-577 1889
017-578 2899

Masa jam di pejabat

Isnin - Jumaat: 8:30 pagi - 5:00 petang
Sabtu: 8:30 pagi - 1:00 petang
(Tidak termasuk Ahad dan Cuti Umum)



RAMAI HADIR
RM 650
(tidak termasuk)

Untuk Ujian rPCR**
Kahariza Perkhidmatan Casa
Pulau Lompas, Pulau Lompas, Pulau Lompas
sempena satu sesi khusus

SEMARAI KRITERIA

Pesakit secara sukarela ingin melakukan ujian ATAU sejarah perjalanan semasa tanpa gejala



BERPUASA

Sila elakkan makanan berat 2 jam sebelum ujian



KRITERIA DIKECUALIKAN

- Mereka yang ada sejarah perjalanan DENGAN baki/diambil/sakit tebak
- Mereka yang tidak ada sejarah perjalanan TETAPI mengalami baki/diambil/sakit tebak
- Sesapa yang ada KONTAK RAPAT dengan lori yang disahkan positif COVID-19
- Mereka yang diarahkan KUARANTIN RUMAH

*Berdasarkan data adalah berdasarkan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (https://www.bumamta.com/whatsapp/976-8199632)

Imbas Untuk Lokasi Ujian Pandu Lalu



*Terma & syarat dikenakan

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

8

MEMERANGI WABAK COVID-19

Satu lagi kematian dicatat

Menjadikan jumlah kematian akibat Covid-19 di Malaysia sebanyak 15 kes

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan satu kematian dan 106 kes baharu positif koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kematian terbaharu itu melibatkan lelaki tempatan yang disyaki mempunyai kontak dengan kes positif yang ke-703 (yang menghadiri perjumpaan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur) semasa solat Jumaat.

"Pesakit yang merupakan kes ke-1519 mengalami gejala sesak nafas selama tiga hari," katanya.

Menurutnya, bantuan pernafasan diberikan dan pesakit itu disahkan meninggal dunia jam 5.35 pagi tadi (semalam).

"Dia yang berumur 71 tahun mempunyai penyakit kencing manis dan darah tinggi," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 106 kes positif Covid-19 dicatatkan setakat jam 12 tengah hari semalam.

"Berdasarkan siasatan, daripada jumlah itu, 43 kes berkaitan dengan kluster tabligh manakala Kementerian sedang mengenal pasti punca kluster kepada 63 yang lain," katanya.



Dr Noor Hisham (kanan) pada sidang media harian berkenaan Covid-19 di Kementerian Kesihatan di Putrajaya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah pesakit yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) turut meningkat kepada 64 kes.

"Daripada jumlah itu, 27 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Menurutnya, sebanyak 24 kes telah pulih dan dibenar discaj, menjadikan kumulatif kes pulih sebanyak 183.

Setakat semalam, jumlah keseluruhan kes positif dilaporkan sebanyak 1,624 kes dan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 15 kes.

Pramugari hilang ketika saringan

IPOH - Polis sedang mengesan seorang wanita mengalami simptom wabak koronavirus (Covid-19) yang menghilangkan diri ketika menjalani saringan kesihatan di Hospital Parit Buntar (HPB) kelmarin.

Wanita berusia 21 tahun dan bekerja sebagai pramugari itu dikatakan hadir ke hospital berkenaan pada Ahad lalu sebelum diarahkan ke Hospital Taiping bagi menjalani pemeriksaan lanjut.

Bagaimanapun, pesakit itu menolak untuk dihantar ke Hospital Taiping sebelum dikesan menghilangkan diri.

Pesakit itu dikatakan baru pulang dari Singapura dan telah transit di Thailand. Dia mula mengalami demam sejak 12 hari lepas.


Laporan kehilangan wanita itu dibuat oleh seorang kakitangan hospital terbabit di Balai Polis Parit Buntar pada jam 10.27 malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kerian, Superintendan Omar Bakhtiar Yaacob ketika dihubungi mengesahkan laporan berkenaan.

"Daripada maklumat dikongsi, wanita yang beralamat dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang itu telah diletakkan di dalam bilik isolasi HPB untuk saringan.

Abang pesakit memberitahu pihak hospital akan cuba memujuknya ke Hospital Taiping, namun selepas itu kedua-duanya didapati telah menghilangkan diri.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • RABU 25 MAC 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19

9

RTK tidak dapat kesan Covid-19

KKM saran orang ramai tidak jalani ujian guna kit ujian pantas

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kit ujian pantas (RTK) yang dijual di pasaran tidak dapat membantu pengesanan awal jangkitan Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, RTK digunakan untuk mengesan antibodi yang terhasil dalam badan akibat jangkitan dialami.

"Antibodi muncul dalam badan sekitar lima hingga lapan hari selepas jangkitan.

"Ujian RTK yang mengesan antibodi tidak disarankan untuk tujuan diagnosis Covid-19.

"Justeru, KKM menggesa orang ramai untuk tidak menjalani ujian RTK dengan sewenang-wenangnya tanpa menda-

pat khidmat nasihat daripada Pengamal Perubatan kerana ia berpotensi untuk menimbulkan salah tafsir dan keresahan terhadap keputusan ujian," katanya pada sidang media harian di KKM di sini semalam.

Beliau berkata, ujian Covid-19 yang dijalankan di makmal fasiliti KKM adalah menggunakan teknik *real time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (rRT-PCR).

"Ujian rRT-PCR Covid-19 yang positif bermaksud individu tersebut telah dijangkiti oleh

wabak berkenaan.

"Keputusan ujian yang tepat melalui teknik rRT-PCR adalah amat penting dalam pengurusan pesakit Covid-19 yang berke-saan," katanya.

Kelmarin, sebuah syarikat penyedia perkhidmatan e-kerajaan mengumumkan akan membawa masuk RTK yang dibangunkan oleh syarikat bioperubatan China terkemuka.

Bagaimanapun, syarikat berkenaan masih menunggu kelulusan KKM.

Dalam perkembangan lain,

Dr Noor Hisham berkata, KKM sedang mencari jalan penyelesaian termasuk kemungkinan akan berkunjung ke rumah penderita darah berikutan kekurangan bekalan tersebut di hospital.

"Memandangkan kita sedang dalam Perintah Kawalan Pergerakan, kami merancang untuk membuat kempen penderita darah dari rumah.

"Kami akan hantarkan pasukan ke rumah anda untuk mendapatkan bekalan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

20

RABU 25 MAC 2020 • SINAR HARIAN

MEMERANGI WABAK COVID-19



Kebanyakan hospital terputus bekalan Peralatan Perlindungan Diri

Oleh HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Penularan wabak koronavirus (Covid-19) memberi impak yang cukup besar buat negara, ekonomi serta rakyat. Tambahan lagi apabila berlaku peningkatan lebih banyak kes jangkitan yang kini mencecah 1,624 kes-serta angka kematian seramai 15 orang di Malaysia.

Namun begitu yang lebih terkesan sudah tentu pasukan yang berada di barisan hadapan iaitu petugas kesihatan termasuk doktor dan jururawat yang sanggup mengambil risiko untuk merawat dan mengekang wabak ini dari hari pertama ia menular ke negara.

Kini lebih membimbangkan apabila banyak dilaporkan bekalan peralatan perubatan seperti Peralatan Perlindungan Diri (PPE) serta beberapa keperluan lain termasuk cecair pembersihan dan keperluan makmal tidak mencukupi, malah tidak dapat menampung keperluan di hospital dalam menangani pesakit Covid-19.

Menurut seorang petugas kesihatan yang enggan dikenali, keperluan peralatan perubatan di setiap hospital adalah berbeza bergantung kepada jumlah kes yang diterima.

Katanya, masalah bekalan tidak mencukupi ini kebanyakannya lebih dirasai petugas-petugas kesihatan di hospital besar.

"Ada yang mengalami masalah



Contoh pemakaian PPE sebenar oleh petugas kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hillir Perak.

'Plastik sampah' ganti PPE

kekurangan peralatan perubatan ini sejak awal gelombang kedua Covid-19 dan ada juga yang baru seminggu ini terkesan.

"Kebanyakan hospital terputus bekalan PPE sehingga terpaksa menjadi kreatif dengan membuat *face shield* sendiri iaitu menggunakan span, plastik lutsinar dan plastik sampah untuk perlindungan di bahagian kepala, muka/mata serta leher.

"Petugas kesihatan terlibat biasanya akan buat lebih untuk dipakai dalam tempoh beberapa hari bagi menggantikan PPE sebenar, tambah lagi ia hanya boleh digunakan untuk sekali pakai," katanya.

Katanya, walaupun petugas kesihatan terpaksa memakai 'plastik sampah' yang tidak menjamin perlindungan, dalam keadaan terdesak ia tetap membantu dan itu saja pilihan yang mereka ada.

"Ada antara kami sampai kena mandi sekurang-kurangnya sembilan kali sehari bagi memastikan kebersihan diri serta untuk elak jangkitan selepas merawat atau mengendalikan pesakit Covid-19, malah ada juga yang demam kerana mandi berlebihan," katanya.

Menurut petugas itu lagi, di sesetengah hospital lain pula ada yang sangat memerlukan peralatan makmal seperti alat untuk membuat ujian swab (kapas kesat) iaitu mengambil sampel dari kerong-

kong serta hidung.

"Alat ini paling penting kerana ia menentukan sama ada seseorang itu positif atau negatif Covid-19," katanya.

Menurut seorang lagi petugas kesihatan, cecair pembasmi kuman, sarung tangan serta penutup mulut dan hidung semakin berkurangan di tempatnya bertugas.

Katanya, itu adalah antara peralatan asas yang sangat diperlukan ketika ini dan beliau berharap bekalan baharu akan sampai segera.

Peruntukan tambahan

Pengumuman oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kelmarin memaklumkan Kementerian Kesihatan (KKM) akan diberi peruntukan tambahan RM500 juta bagi membiayai pembelian peralatan perubatan seperti ventilator dan peralatan ICU (unit rawatan rapi), PPE tambahan bagi kakitangan awam serta keperluan makmal untuk saringan Covid-19 dijangka memberi sinar baharu kepada para petugas barisan hadapan ini.

Selain itu, kerajaan juga akan menyalurkan peruntukan RM100 juta khusus untuk pelantikan 2,000 kakitangan baharu KKM secara kontrak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pula memberitahu, KKM berjaya memperoleh stok bekalan PPE sebanyak 33 juta unit dan ia sekali gus dapat menampung penggunaan di semua fasiliti kesihatan. Stok itu akan diedarkan dalam minggu ini.

Seorang sumber memberitahu *Sinar Harian*, kakitangan baharu terdiri daripada jururawat difahamkan sudah mula melaporkan diri di hospital-hospital yang kekurangan kakitangan mulai semalam.

Dalam pada itu, Pakar Perubatan Keluarga KKM, Dr Suhazeli Abdullah ketika dihubungi *Sinar Harian* berkata,

Guna saluran farmasi edar kepada pengguna

SHAH ALAM - Pengalihan 10 juta penutup muka percuma kepada rakyat negara ini yang memerlukan dan terjejas dengan penularan wabak koronavirus (Covid-19) perlu dibuat secara teratur oleh kerajaan.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang berkata, antara yang boleh dibuat kerajaan ialah dengan menjadikan farmasi sebagai salah satu saluran untuk mengedarkan penutup muka tersebut.

"Sebagai contoh apabila pengguna datang ke farmasi untuk beli ubatan atau sebagainya, ahli farmasi boleh mainkan peranan dengan membuat saringan awal ke atas mereka, sediakan tempat basuh tangan sebelum masuk, beri penerangan tentang bahaya Covid-19 dan setelah mereka bayar barangan dibeli, baru kita berikan penutup muka percuma itu.

"Dengan cara ini, pemberian penutup muka itu adalah lebih bersasar. Jika main diri saja, ia ibarat kerajaan buang duit begitu saja, tiada kesan," katanya.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan akan mengagihkan 10 juta penutup muka percuma kepada rakyat negara ini yang memerlukan dan terjejas dengan penularan Covid-19.

Selain itu, Amrahi berkata, kerajaan juga perlu melindungi doktor dan kakitangan di klinik swasta, ahli dan kakitangan farmasi untuk memastikan perkhidmatan mereka berterusan.

"Kemudahan seperti peralatan perlindungan diri (PPE) umpamanya bukan perlu diberi kepada hospital kerajaan saja tapi harus juga diberikan kepada klinik swasta dan farmasi kerana mereka ini adalah pusat-pusat rawatan utama primer.

"Ramai yang datang buat pemeriksaan di sini sebelum dirujuk ke hospital, jadi perlindungan harus diberikan kepada mereka juga," katanya.

semua pihak diminta bersabar kerana kerajaan sudah memberi jaminan bahawa bekalan PPE mencukupi.

"Ya baru sahaja diumumkan semalam (kelmarin) dan prosesnya akan mengambil sedikit masa.

"KKM kini sedang bertungkus-lumus melakukannya bagi memastikan alat PPE itu dapat diedarkan secepat mungkin untuk kegunaan hospital," katanya.

Ketika mengulas tentang alternatif yang boleh dilakukan pihak hospital atau petugas kesihatan sementara menunggu bekalan peralatan perubatan tiba, Dr Suhazeli berkata, ia bergantung kepada kreativiti mereka sendiri.

"Terpulang kepada mereka tetapi ia perlu mematuhi prosedur standard ditetapkan," katanya.

INFO PPE

- Pakaian khas yang perlu dipakai oleh petugas kesihatan yang mengendalikan pesakit Covid-19
- Pakaian ini menutupi keseluruhan badan, tangan serta bahagian kepala dan muka bagi mengelakkan dijangkiti wabak itu.
- Dilengkapi pelindung kepala, pelindung pernafasan iaitu penutup muka pembedahan atau jenis N95, alat pelindung mata/muka (*goggles* *face shield*), seluar khas, sarung tangan, but/sarung kaki khas serta *gaun* yang melepasi pialawan ditetapkan, kalis cecair dan pakaikan buang.
- PPE tidak boleh dikongsi dengan orang lain
- Penggunaan untuk sekali pakai



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

BH RABU, 25 MAC 2020

7

Nasional

Penularan COVID-19

24 kes pulih, dibenar pulang

106 kes baharu dengan satu kematian dicatat semalam

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Satu lagi kematian akibat COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan 15 kes kematian disebabkan wabak berkenaan di negara ini, setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kematian ke-15 membabitkan kes ke-1,519, lelaki berusia 71 tahun berasal dari Melaka yang disyaki mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19, kes ke-703 yang menghadiri perjumpaan tabligh di Masjid Seri Petaling.

"Lelaki itu mempunyai sejarah penyakit kronik dan dirawat di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor, mulai 18 Mac lalu. Beliau disahkan meninggal dunia

pada jam 5.35 pagi ini," katanya melalui kenyataan, semalam.

Pada sidang media kemudian, beliau berkata, sebanyak 106 kes baharu membabitkan 43 kes berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Seri Petaling dan 63 kes berkaitan lain-lain kluster dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 1,624 kes.

"Sehingga kini, seramai 64 kes positif COVID-19 sedang dirawat

di Unit Rawatan Rapi (ICU), termasuk 27 kes memerlukan bantuan pernafasan. Terdapat 24 kes sudah pulih dan dibenarkan keluar hari ini (semalam), menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan discaj dari wad adalah 183 kes," katanya.

Mengenai kekurangan bekalan darah, beliau memaklumkan, petugas kesihatan akan digerakkan ke kediaman untuk mengambil

darah mereka yang ingin menderma yang boleh juga menghubungi talian hotline KKM supaya petugas dapat ke rumah mereka dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya sudah mengenal pasti 3,000 jururawat bersara untuk dipanggil bertugas bagi menampung kekurangan petugas kesihatan ketika ini.



Sehingga kini, seramai 64 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), termasuk 27 kes memerlukan bantuan pernafasan. Terdapat 24 kes sudah pulih dan dibenarkan keluar hari ini (semalam).

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

5 rakyat kita dirawat di Brunei

Kuala Lumpur: Lima rakyat Malaysia yang berada di Brunei dan dijangkiti COVID-19 kini dijaga rapi oleh Kerajaan Brunei, kata Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Menerusi satu kenyataan semalam, beliau berkata, perkara itu dimaklumkan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Brunei II, Datuk Seri Setia Erywan Pehin Datu Pekerma Jaya Mohd Yusof dalam perbincangan mereka melalui sidang video semalam, yang turut menyentuh usaha kedua-dua negara dalam menangani COVID-19.

Perbincangan juga menyentuh mengenai kes pertama di Brunei membabitkan seorang lelaki

yang hadir ijtimaq tabligh di Masjid Seri Petaling dengan sekitar 49 peratus kes berkaitan COVID-19 di negara berkenaan adalah berkaitan perhimpunan terbabit, rendah sedikit berbanding 62 peratus di Malaysia.

"Saya turut berkongsi dengan Erywan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah tubuhkan 'task force' bagi menjejaki semua peserta dan setakat ini, 13,000 dikenal pasti. Saya juga maklumkan, sudah bercakap dengan Menteri Luar Negeri Indonesia, Retno Lestari Priansari Marsudi untuk berkongsi maklumat mengenai perhimpunan tabligh di Gowa, Sulawesi Selatan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

12

RABU, 25 MAC 2020 BH

Nasional

Penularan COVID-19

Topeng muka N95, 3 lapis paling sesuai

Mampu halang 95 peratus virus daripada tersebar melalui pengudaraan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Topeng muka kategori tiga lapisan dan N95 paling sesuai digunakan sebagai langkah pencegahan wabak coronavirus (COVID-19) kerana mampu menapis kira-kira 95 peratus virus.

Pakar kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun, menjelaskan topeng muka kategori berkenaan boleh menghalang virus terbahit tersebar melalui pengudaraan jika individu terkena titisan cecair daripada hidung atau mulut dijangkiti COVID-19.

"Topeng muka tiga lapisan boleh didapati pada harga lebih murah berbanding N95. Walaupun topeng muka N95 paling baik, topeng muka tiga lapisan sudah memadai, selain harganya berpatutan. Jenis N95 lebih mahal dan lebih sesuai bagi menghalang jangkitan menerusi airborne (udara).

"Topeng muka tiga lapisan

adalah jenis yang selalu digunakan pegawai perubatan dan kesihatan," katanya sambil menambah, topeng muka jenis N95 boleh menapis virus pada kadar 95 peratus, bakteria (100 peratus), debu (100 peratus) dan debunga (100 peratus).

Katanya, fungsi topeng jenis tiga lapis pula sama seperti N95, iaitu boleh menapis virus pada kadar 95 peratus, namun hanya menapis bakteria pada kadar 80 peratus, debu (80 peratus) dan debunga (80 peratus).

Beliau tidak menggalakkan penggunaan topeng muka jenis dua atau satu lapisan mahupun jenis karbon yang boleh dibasuh dan digunakan semula kerana hanya boleh menapis virus pada kadar 10 peratus, bakteria (50 peratus), debu (10 peratus) dan debunga (50 peratus).

"Malah, topeng muka jenis karbon hanya sesuai bagi menghalang bau. Topeng muka juga tidak boleh digunakan berulang kali kerana dikhuatiri tercemar dengan virus yang boleh mengancam penggunanya.

"Saya faham keadaan kini amat mendesak lebih-lebih lagi dengan kekurangan bekalan topeng muka di pasaran akibat penularan wabak COVID-19. Jika hanya mampu mendapatkan topeng muka jenis dua atau satu lapisan, saya menyarankan supaya memakainya sebanyak

tiga topeng dalam satu masa.

"Berdasarkan cara penggunaan, topeng efektif digunakan dalam tempoh enam jam sahaja dan selepas itu, topeng baharu perlu digunakan, topeng lama perlu dibuang," katanya.

Mengenai topeng muka jenis kain, Dr Hanafiah berkata, ia tidak sesuai digunakan langsung kerana kadar tapisan bagi menghalang virus dan debu adalah sifar peratus, manakala topeng muka jenis span yang banyak digunakan sebagai perhiasan pakaian juga tidak boleh menghalang virus.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan orang ramai penggunaan topeng muka amat penting dan tujuan utamanya adalah menghalang virus daripada memasuki tubuh melalui mulut atau hidung.

"Kita kena sentiasa berwaspada kerana virus tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Wajib pakai topeng muka bagi mengelak kita menyentuh mulut atau hidung," katanya tidak bersetuju dengan pendapat bahawa hanya individu sakit atau mempunyai gejala perlu memakai topeng muka.

"Dalam keadaan kini, semua orang perlu memakai topeng muka apabila berada di tempat awam kerana kita tidak tahu siapa yang dijangkiti virus berkenaan," katanya.

KENAPA PERLU PAKAI TOPENG PENUTUP HIDUNG DAN MULUT

- ✓ YA. Jika anda membezakan jarak antara individu yang mempunyai pelbagai sistem respiratori.
- ✓ YA. Jika anda seorang pegawai pengurusan kesihatan yang berdepan pesakit.
- ✓ YA. Jika anda seorang pegawai bekalan makanan.
- ✓ YA. Jika anda menghadapi simptom respiratori (batuk, cirit, dsb).

BUKAN KEPERLUAN BAGI YANG TIDAK DISEBUTKAN DI ATAS

FUNGSI PELBAGAI JENIS TOPENG

Jenis Topeng	Virus	Bakteria	Debu	Debunga
N95 (Perlindungan terkuat)	>95%	100%	100%	100%
Topeng bedah (Kegunaan medikal)	>95%	>80%	>80%	>80%
FFPI (mengasingkan partikel halus)	>95%	>80%	>80%	>80%
Topeng karbon (Menghalang bau)	10%	>50%	10%	>50%
Topeng kain (mengekal haba)	0%	>50%	0%	>50%
Topeng span (fesyen)	0%	5%	0%	5%

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

'Usah diskriminasi, salahkan jemaah tabligh'

Putrajaya: Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Noor Hisham Abdullah menasihatkan rakyat agar tidak mendiskriminasi dan menyalahkan jemaah tabligh, sebaliknya membantu mengesan mereka serta kontak dalam usaha membendung penularan COVID-19.

Bercakap pada sidang media semalam, beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersedia dan sudah memaklumkan kepada Jabatan Kesihatan negeri untuk menerima jemaah tabligh yang tidak bergejala menjalani ujian saringan di klinik dan hospital kerajaan terdekat.

"Setakat ini, KKM telah menjalankan 13,000 saringan ke atas jemaah tabligh dan sebanyak 8,000 kes didapati bergejala, 986 positif COVID-19. Kita harap jemaah tabligh tampan membuat ujian saringan kerana daripada 1,624 kes positif COVID-19, risi-

ko adalah lebih tinggi dari kalangan mereka," katanya.

Di **Kuala Terengganu**, Ketua Polis negeri, Datuk Roslee Chik, berkata pihaknya sudah selesai mengesan 380 individu dari negeri itu yang menyertai ijtimak tabligh di Masjid Seri Petaling dan daripada jumlah itu, empat disahkan positif COVID-19, selebihnya negatif dan diarah kuarantin di rumah masing-masing.

"Empat individu positif itu kini dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), di sini," katanya.

Di **Georgetown**, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Sahabudin Abdul Manan, berkata pihaknya sedang mengesan lebih 100 individu dari negeri itu yang dipercayai menghadiri perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling dan belum menjalani ujian saringan COVID-19.

"Polis akan bantu Jabatan

Kesihatan mengesan mereka. Sebelum ini, kebanyakan mereka sudah buat ujian saringan di klinik berhampiran, namun diminta pulang dan kuarantin sendiri di rumah kerana tiada simptom COVID-19 dan tiada sampel diambil.

"Berikutan itu, kami akan membantu pihak berkuasa kesihatan mencari semua individu berkenaan yang belum melakukan pemeriksaan dengan teliti, supaya datang semula untuk diambil sampel," katanya.

Di **Kota Bharu**, Timbalan Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner Abdullah Mohammad Piah, berkata pihaknya mengesan kira-kira 60 jemaah tabligh dari negeri itu yang menghadiri perhimpunan di Masjid Seri Petaling.

"Polis tidak akan tangkap dan tahan mereka dalam lokap, kita hanya ingin mereka hadir ke hospital untuk jalani ujian sa-

ringan," katanya.

Di **Kota Kinabalu**, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sabah, berkata sembilan individu dijangka pulang ke Sabah dalam masa terdekat dari Gowa, Sulawesi Selatan, iaitu lokasi Ijtimak Tabligh Dunia Zon Asia pada 18 hingga 19 Mac lalu.

"Semalam (kelmarin), seramai 17 individu termasuk lima jemaah tabligh sudah tiba di Tawau menggunakan pengangkutan air dan kini dikuarantin di pusat kuarantin daerah berkenaan.

"Mereka mungkin dikuarantin lebih dua minggu supaya dapat dipastikan benar-benar bebas jangkitan.

"Kita minta Jabatan Imigresen perketatkan pengurusan supaya tiada yang masuk ke negeri ini guna jalan tikus.

"Jika itu berlaku, mereka pasti pulang ke kampung tanpa kuarantin, membahayakan keluarga serta orang sekeliling," katanya memaklumkan, sebahagian besar jemaah itu berasal dari Beaufort, Kuala Penyu dan Tawau.

Di **Kuching**, Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Aidi Ismail, memaklumkan seramai 477 jemaah tabligh dari negeri itu diarahkan menyertai program di Masjid Seri Petaling dan pihaknya masih mengesan 30 daripada mereka yang belum tampil membuat saringan kesihatan.

"Seramai 427 jemaah tabligh sudah menjalani proses kuarantin dengan 26 daripada mereka disahkan positif COVID-19, 297 lagi negatif, manakala 104 masih menunggu keputusan ujian makmal," katanya sambil meminta baki 30 jemaah tabligh itu tampil bekerjasama menjalani ujian saringan kesihatan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

RABU, 25 MAC 2020

17

Nasional

Penularan COVID-19

Virus disebar melalui titisan cecair

Penjarakan sosial penting elak terkena percikan air liur

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penjarakan sosial penting kerana virus COVID-19 disebar melalui titisan cecair atau *droplet* yang terhasil daripada percikan air liur ketika bercakap atau batuk dan bukannya secara bawahan udara atau *airborne*.

Pakar Perubatan Keluarga, Klinik Kesihatan Jinjang, Kepong, Dr Siti Khamsiah Abd Shukor, berkata *air droplet* bersifat agak berat dan tidak akan berterbangan bagi jarak lebih satu meter.

Sehubungan itu, katanya, orang ramai perlu mematuhi penjarakan sosial supaya terhindar daripada risiko dijangkiti virus itu.

"Kalau anda terlalu dekat dengan pesakit COVID-19, khususnya ketika mereka bercakap atau batuk dan *droplet* itu terkena pada

mata atau mulut, itu berisiko dijangkiti.

"*Airborne* lebih kepada petugas kesihatan kerana mereka perlu melakukan proses intubasi dengan prosedur untuk menyelamatkan pernafasan pesakit. Itu mungkin menghasilkan keadaan *airborne*," katanya di Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam.

Ditanya sama ada disinfektan berasaskan garam boleh membunuh virus COVID-19, beliau menegaskan, tiada kajian klinikal yang membuktikan perkara berkenaan.

"Hanya penggunaan disinfektan berasaskan alkohol dengan kepekatan 70 peratus yang terbukti secara klinikal dapat membunuh virus, selain sabun.

"Bagaimanapun, bahan mengandungi *sodium hypochlorite* (agen peluntur) boleh digunakan untuk kerja menyahjangkit kawasan rumah atau pejabat," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata temujanji warga emas menjalani rawatan susulan penyakit kronik tetapi dalam keadaan stabil dan bayi untuk suntikan vaksin, boleh dipinda bagi mengurangkan risiko jangkitan



Orang ramai perlu mematuhi penjarakan sosial supaya terhindar daripada risiko dijangkiti COVID-19. (Foto Hassan Omar/BH)

COVID-19 terhadap dua kelompok umur itu.

Katanya, ahli keluarga perlu menghubungi petugas kesihatan di hospital atau klinik kesihatan terbabit untuk memaklumkan perkara itu.

"Tiada halangan ibu mengandung menghadiri pemeriksaan berjadual di hospital atau klinik kesihatan. Untuk urusan pengam-

bilan ubat ahli keluarga warga emas boleh meminta petugas kesihatan di hospital atau klinik kesihatan supaya ia dilakukan secara pandu lalu atau pengeposan.

"Tetapi, mereka perlu segera dibawa ke hospital, jika mengalami masalah kesihatan baharu dan akut," katanya menerusi siaran langsung khas 'Kenali COVID-19'



Hanya penggunaan disinfektan berasaskan alkohol dengan kepekatan 70 peratus yang terbukti secara klinikal dapat membunuh virus, selain sabun.

Dr Siti Khamsiah Abd Shukor, Pakar Perubatan Keluarga, Klinik Kesihatan Jinjang, Kepong

Teknik rapid test kit tak disaran untuk diagnosis

Putrajaya: Penggunaan teknik rapid test kit (RTK) tidak disarankan untuk tujuan diagnosis COVID-19, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Sebaliknya, katanya, keputusan ujian yang tepat melalui teknik *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (rRT-PCR), yang dijalankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah amat penting dalam pengurusan pesakit COVID-19 berkesan, berikutan ia mampu mengesan virus yang masih berada dalam badan pesakit.

Beliau berkata, ujian melalui teknik rapid test kit (RTK) yang kini ada di pasaran pula bertujuan mengesan antibodi yang terhasil di dalam badan akibat jangkitan dialami.

Beliau berkata, antibodi muncul di dalam badan antara lima hingga lapan hari selepas jangkitan.

Katanya, teknik rRT-PCR digunakan untuk ujian makmal dijalankan di makmal fasiliti kesihatan kerajaan bagi mengesan jangkitan COVID-19.

"Ujian rRT-PCR dijalan-



Ujian melalui teknik rapid test kit bertujuan mengesan antibodi yang terhasil di dalam badan. (Foto hiasan)

kan akan mengesan kehadiran virus COVID-19 di dalam badan pesakit.

"Justeru, ujian rRT-PCR COVID-19 yang positif ber-

“Ujian rRT-PCR dijalankan akan mengesan kehadiran virus COVID-19 yang terdapat di dalam badan pesakit.”

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

maksud individu itu dijangkiti virus COVID-19.

"Ujian RTK yang mengesan antibodi, tidak dapat mengesan virus dan membuat pengesanan pantas jangkitan. Ini menyebabkan ia tidak membantu pengesanan awal kes COVID-19," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Justeru, Dr Noor Hisham berkata, KKM mengesakan orang ramai tidak menjalani ujian RTK dengan sewenang-wenangnya tanpa mendapat khidmat nasihat pengamal perubatan, kerana ia berpotensi menimbulkan salah tafsir dan keresahan terhadap keputusan ujian yang diperoleh.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : LOKAL

lokal

Oleh Samadi Ahmad
 am@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 14 kes tahanan reman didaftarkan di mahkamah bagi kesalahan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac lalu termasuk mengingkar PKP dan perhimpunan.

Mengikut statistik pendaftaran kes di mahkamah, bermula 19 Mac sehingga semalam, 14 kes dicatatkan masing-masing satu di Negeri Sembilan, Johor dan Selangor, dua kes di Wilayah Persekutuan serta masing-masing tiga kes di Pulau Pinang, Perak dan Kedah.

Sebanyak 10 kes tahanan reman mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan iaitu menghalang tugas polis, didaftarkan di mahkamah di mana tiga kes sudah dituduh iaitu masing-masing satu kes di Johor, Perak dan Wilayah Persekutuan.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), daripada 10 kes itu, dua orang sudah mengaku bersalah masing-masing di Mahkamah Majistret Johor Bahru, Johor dan Mahkamah Majistret Sungai Siput, Perak.

Kedua-dua tertuduh masing-masing didenda RM5,000 atau masing-masing 12 dan 10 bulan penjara jika gagal membayar denda. Sementara itu, Mahka-



ANGGOTA polis melakukan sekatan jalan raya berikutan Perintah Kawalan Pergerakan.

mah Majistret Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman penjara dua bulan terhadap seorang tertuduh yang mengaku bersalah atas kesalahan mengikut Seksyen 353 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menggunakan kekerasan jenayah bagi menamatkan penjawat awam menjalankan tugas.

Selain itu, empat lagi kes reman adalah bagi membantu siasatan mengikut beberapa seksyen iaitu - satu kes reman bagi kesalahan mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan (kesalahan fitnah jenayah) atau Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

